

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HIU 201 Perluasan 'Aqidah Islamiyyah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Bagaimana boleh dikatakan bahawa konsep Tawhīd Rubūbiyyah itu dapat diterima oleh semua golongan manusia termasuk juga yang bukan Islam? Sila buktikan pandangan anda dengan hujah-hujah naqliyyah dan 'aqliyyah.
  - (b) Bincangkan secara khusus tentang pendirian golongan athies terhadap konsep Tawhīd Ulūhiyyah, serta kuatkan hujah anda dengan ayat-ayat al-Qur'ān.
  - (c) Berikan dua dalil daripada ayat-ayat al-Qur'ān yang membuktikan konsep Tawhīd Rubūbiyyah dan huraikan kedua-duanya dengan sempurna.
  - (d) Jelaskan pengertian kalimah Rabb ( رَّبٌّ ) dan Ilāh ( إِلَهٌ ) sebagaimana yang dapat difahami dalam bahasa asalnya.
2. (a) Jelaskan:
    - i. Perbezaan di antara maksud 'aqidah dan ideologi.
    - ii. Keistemewaan 'Aqidah Islāmiyyah dan nilai kekuatannya.
    - iii. Kedudukan 'Aqidah Islāmiyyah dalam struktur binaan Islam.

(b) Jelaskan:

- i. Unsur-unsur yang boleh membatalkan tawhīd
- ii. Unsur-unsur yang boleh membatalkan imān.

(c) Jelaskan:

- i. Perbezaan di antara maksud Qada dan Qadar Kawnī dan Qadā dan Qadar Shar'i.
- ii. Pengertian Tawassul shar'i.
- iii. Jenis-jenis Tawassul shar'i yang dibolehkan.

3. Berdasarkan pengajian anda tentang Tawhīd Asmā' wa al-sifāt huraikan perkara-perkara berikut dengan mengemukakan hujah-hujah yang tepat.

- (a) Tiga kaedah yang dianggap oleh 'ulamā'-'ulamā' salaf sebagai dasar untuk mempelajari, mengkaji dan meneliti sifat-sifat dan nama-nama Allāh s.w.t.
- (b) Tiga sifat daripada sifat-sifat salbiyyah yang dipertikaikan oleh 'ulamā'-'ulamā' salaf.
- (c) Tiga sifat daripada sifat-sifat af'āl Allāh s.w.t. sebagaimana yang telah didapati di dalam al-Qur'ān.
- (d) Tiga jenis penta'wilan, dua daripadanya boleh diterima sementara satu lagi ditolak.

4. Berdasarkan firman Allāh s.w.t. di dalam surah al-Baqarah: 256 yang bermaksud:

"Maka barangsiapa kufur terhadap taghut dan beriman dengan Allāh maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang tegoh dan tidak akan putus dan Allāh itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

- (a) Jelaskan maksud tāghūt di dalam ayat di atas.
- (b) Jelaskan maksud kufur terhadap tāghūt di dalam ayat di atas.
- (c) Jelaskan maksud "Allāh itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" di dalam ayat di atas khusus mengenai pengajian anda tentang Tawhīd Asmā' wa al-sifāt.
- (d) Padankan maksud ayat di atas dengan maksud kalimah shahādah.

5. Berdasarkan firman Allāh s.w.t. di dalam surah-surah al A'raf, 54, Yūnus: 3, al-Ra'd: 2, al-Furqān: 59, al-Sajdah: 4 dan al-Hadid: 4, yang bermaksud:

"...Kemudian Allāh beristiwa' di atas 'Arash..."

Berdasarkan pengajian anda tentang Tawhīd Asmā' wa al-sifāt:

- (a) Terangkan pandangan 'ulamā'-'ulamā' salaf tentang maksud ayat-ayat di atas dengan hujah-hujah yang telah dikemukakan sebagai menguatkan pandangan mereka.
- (b) Terangkan pandangan 'ulamā'-'ulamā' khalaf tentang maksud ayat-ayat di atas dengan hujah-hujah yang telah dikemukakan sebagai menguatkan pandangan mereka.
- (c) Terangkan sifat apakah yang dapat difahami daripada maksud ayat-ayat di atas.
- (d) Apakah jenis penta'wilan yang telah digunakan oleh 'ulamā'-'ulamā' khalaf dalam membahas tentang maksud ayat-ayat di atas.

-oooOOOooo-